

Tanam bakau elak bencana

Oleh OPAT RATTANACH

KUALA MUDA 25 Jan. - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menanam lebih 250,000 hektar pokok bakau di kawasan pesisir pantai di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, projek penanaman bakau tersebut digerakkan secara aktif selepas wujudnya kesedaran bahawa pokok berkenaan mampu menjadi benteng kepada bencana alam.

"Selepas kejadian tsunami melanda negara dua tahun lalu, kita mengambil langkah proaktif menggalakkan penanaman hutan bakau secara kekal di pesisir pantai negara ini.

"Selain sebagai usaha memelihara dan memulihara ekosistem, penanaman hutan bakau amat penting kerana ia dapat mengelakkan kesan kerosakan lebih besar akibat ombak pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau tapak projek pelancaran Program Tanaman Bakau Peringkat Kebangsaan di Kampung Baru, Pulau Sayak, dekat sini hari ini.

Menurut Azmi, kerajaan pada dasarnya meluluskan peruntukan sebanyak RM40 juta untuk pelaksanaan projek tanaman hutan bakau terbabit sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Bagi memastikan keberkesanan program, katanya, kerajaan telah mengarahkan Jabatan Perhutanan bekerjasama de-

ngan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) serta Jabatan Pengairan dan Saliran memantau kawasan yang sesuai ditanam pokok bakau.

"Sebab itu, kita menaruh harapan agar program ini berjalan dengan lancar dan gerakan bersepadu dijalankan oleh segenap lapisan masyarakat termasuk penduduk setempat di pesisir pantai," katanya.

Dalam pada itu, Azmi memberitahu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan Program Tanaman Bakau Peringkat Kebangsaan di Kampung Baru, Pulau Sayak pada 2 Februari ini.

Katanya, objektif utama pelancaran program tersebut adalah untuk memupuk kesedaran orang ramai supaya menghargai kepentingan hutan paya bakau terhadap alam sekitar.

Menurut beliau, kerajaan bercadang mewujudkan satu sistem pengurusan pembuangan sisa toksik bagi membolehkan beberapa syarikat pengeluar komputer dan telefon bersel mematuhi kaedah pengawalan bahan buangan kitar semula.

"Kaedah ini amat diperlukan kerana selama ini semua bahan membuat komputer apabila tidak boleh digunakan lagi, dibuang begitu sahaja, tiada kaedah pelupusan yang sempurna.

"Difahamkan syarikat pengeluar ini mempunyai kaedah tersebut dan diamalkan di negara mereka tetapi tidak di negara dunia ketiga" jelasnya.

Beliau memberitahu, pelaksanaan sis-



AZMI Khalid menunjukkan kawasan yang bakal ditanam dengan pokok bakau di Kampung Baru, Pulau Sayak, Kuala Muda, Kedah, semalam.

tem pengurusan pembuangan sisa toksik itu turut merangkumi penggubalan undang-undang baru.

Kata Azmi, melalui undang-undang ter-

sebut, hukuman penjara mandatori boleh dikenakan ke atas individu yang terlibat dengan kegiatan pembuangan sisa toksik secara haram.